

Tahap Latihan, Pengetahuan dan Keyakinan Guru-guru Pendidikan Khas tentang Autisme

(Special Educators' Level of Training, Knowledge and Confidence of Autism)

HASNAH TORAN, MOHD. HANAFI MOHD. YASIN, MOHD. MOKHTAR TAHAR & NORANI SALLEH

ABSTRAK

Autisme merupakan kecelaruan perkembangan yang memberi impak terhadap kemampuan komunikasi dan interaksi penghidapnya. Statistik terkini menunjukkan peningkatan dalam prevalens autisme. Maka, keperluan terhadap guru pendidikan khas yang terlatih untuk mendidik kanak-kanak yang mengalami autisme turut meningkat. Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti tahap latihan, pengetahuan dan keyakinan guru pendidikan khas tentang autisme. Kursus perguruan formal didapati kurang berkesan dalam melatih guru pendidikan khas untuk memahami dan mendidik kanak-kanak yang mengalami autisme. Kualiti latihan dalam perkhidmatan bagi pendidikan autisme hanyalah pada tahap sederhana, tetapi lebih baik daripada latihan perguruan formal. Hal ini menyebabkan guru mempunyai tahap keyakinan yang rendah dalam mendidik kanak-kanak yang mengalami autisme. Namun, mereka berminat untuk menjalani kursus lanjutan untuk meningkatkan kecekapan mereka dalam mendidik kanak-kanak autisme. Oleh yang demikian, kursus perguruan formal pendidikan khas perlu ditambah baik melalui tambahan komponen tentang autisme. Guru pendidikan khas juga perlu diberi akses kepada latihan dalam perkhidmatan mengenai autisme kerana bidang pendidikan autisme sentiasa berkembang dan pelbagai strategi terkini telah dibuktikan berkesan melalui kajian saintifik. Kajian lanjut perlu dijalankan untuk mengenal pasti kelemahan-kelemahan dalam kedua-dua jenis latihan perguruan ini dan cara-cara untuk meningkatkan kualiti kedua-duanya.

Kata kunci: Autisme, latihan guru, pengetahuan guru, keyakinan guru, pendidikan khas

ABSTRACT

Autism is a developmental disorder that negatively impacts the ability for communication and interaction. Current statistics have reported an increase in its prevalence. Therefore, the need for well trained teachers to teach children with autism has also increased. This study was implemented to investigate the level of training, knowledge, and confidence of special education teachers on autism. Formal teacher training courses was found to be rather ineffective in training special education teachers to understand and teach children with autism. It has also been found that inservice training is slightly better in quality. This caused them to have low confidence in their ability to teach children with autism. However, they showed interest to undergo advanced courses to enhance their competence in educating children with autism. Therefore, formal special education teacher training needs to be improved through an additional component on autism. Special education teachers also need to be provided with access to inservice training in autism because the field of autism education has progressed and various strategies that have been proven effective scientifically are now available. Further studies are needed to identify weaknesses in both types of teacher training and methods to improve the quality of both in terms on education for children with autism.

Keywords: Autism, teacher training, teachers' knowledge, teachers' confident level, special education

PENGENALAN

Autisme adalah suatu kecelaruan perkembangan yang membawa impak yang teruk terhadap kemampuan seseorang untuk berkomunikasi dan berinteraksi dengan orang-orang di sekelilingnya (American Psychiatric Association 1994). Kanak-kanak yang mengalami autisme mempunyai imaginasi yang terhad, hingga menyebabkan mereka mempunyai ruang lingkup minat yang juga terhad dan sering melakukan tingkah laku atau pergerakan badan yang berulang-ulang (Wing & Gould 1979). Kejadiannya

lebih kepada kanak-kanak lelaki, iaitu empat kali ganda berbanding kanak-kanak perempuan. Penyebab autisme masih tidak diketahui dan sehingga kini belum ada penawar bagi kecelaruan perkembangan ini (Center for Disease Control and Prevention, A.S. 2007).

Kajian-kajian terkini tentang autisme melaporkan peningkatan dari segi prevalens autisme (Croen et al. 2002; Volkmar et al. 1997). Pada awal tahun 70-an, prevalensnya adalah tiga atau empat orang penghidap autisme bagi setiap 10,000 orang kanak-kanak, tetapi laporan statistik yang terkini menyatakan bahawa prevalens autisme bagi

tahun 2009 ialah satu dalam 95 orang kanak-kanak (Center for Disease Control and Prevention, A.S. 2009). Kajian oleh Ganz (2006) menyatakan bahawa kos perbelanjaan seumur hidup bagi seorang penghidap autisme ialah USD 3.2 juta. Jumlah penghidap autisme di Amerika Syarikat adalah 1.5 juta orang dan kos perbelanjaan seumur hidup bagi mereka di negara ini dianggarkan sebanyak USD 35 billion setahun. Walau bagaimanapun, masih tiada statistik rasmi tentang prevalens autisme di Malaysia.

Dengan meningkatnya kejadian autisme, keperluan terhadap guru-guru pendidikan khas yang terlatih turut meningkat untuk mendidik kanak-kanak yang mengalami autisme agar mereka dapat mengatasi atau mengurangkan impak negatif autisme dalam hidup mereka. Namun, menurut *National Research Council, A.S. (2001)*, latihan guru merupakan elemen yang paling lemah dalam usaha menyediakan perkhidmatan yang efektif untuk kanak-kanak yang mengalami autisme dan keluarga mereka. Scheuermann et al. (2003) menyatakan bahawa antara masalah utama dalam bidang autisme di Amerika Syarikat adalah kekurangan guru-guru terlatih pada tahap kronik untuk mendidik kanak-kanak autisme. Latihan guru yang kurang mantap juga merupakan satu isu besar yang menghalang penyediaan guru yang cukup dan terlatih dalam bidang autisme (Scheuermann et al. 2003).

Bagi menyediakan pendidikan yang efektif untuk kanak-kanak yang mengalami autisme, guru-guru pendidikan khas perlu dibekalkan asas kemahiran perguruan arus perdana dan pendidikan khas termasuklah kemahiran khas dalam bidang autisme (Simpson 2004). Antara ilmu dan kemahiran yang harus mereka kuasai adalah kefahaman tentang ciri autisme, penaksiran, diagnosis dan penilaian kanak-kanak autisme. Guru-guru yang mendidik kanak-kanak autisme perlu menguasai modul-modul autisme dan kaedah pengajaran yang merangkumi:

1. Strategi peningkatan kemahiran interaksi sosial, komunikasi dan kemahiran sendiri.
2. Strategi sokongan isu sensori.
3. Kaedah pengurusan dan akomodasi persekitaran.
4. Intervensi tingkah laku positif (Simpson 2004).

Guru untuk kanak-kanak autis juga perlu berkemahiran untuk bekerjasama dengan guru arus perdana dalam usaha menyediakan pendidikan inklusif selain bekerjasama dengan ibu bapa dan para profesional lain seperti pakar pertuturan, pakar terapi cara kerja dan lain-lain (Scheuermann et al. 2003).

Stone dan Rosenbaum (1988) yang menjalankan kajian tentang kefahaman mengenai autisme di kalangan ibu bapa dan guru-guru di Amerika Syarikat mendapati para responden mempunyai salah faham mengenai autisme. Ibu bapa dan guru-guru pula mempunyai fahaman yang berbeza yang mungkin mempunyai impak yang negatif ke atas usaha kolaborasi mereka. Mavropoulou dan Padeliadu (2000) menggunakan borang soal selidik yang dibina oleh Stone dan Rosenbaum (1988) dalam kajian mereka yang

membandingkan persepsi guru arus perdana dan guru pendidikan khas di Greek tentang autisme. Keputusan kajian mereka menunjukkan bahawa kedua-dua kumpulan ini keliru tentang beberapa aspek mengenai autisme. Walau bagaimanapun, guru pendidikan khas didapati lebih cekap dalam mengenal pasti ciri autisme. Berdasarkan keputusan kajian ini, beberapa cadangan telah diketengahkan untuk menambah baik kursus dalam perkhidmatan untuk guru arus perdana dan guru pendidikan khas di Greek supaya pengetahuan dan kemahiran mereka mengenai autisme dapat dipertingkatkan.

Schwartz dan Drager (2008) pula mengadaptasi borang soal selidik Stone dan Rosenbaum (1988) untuk mengkaji keberkesanan latihan dan tahap pengetahuan mengenai autisme di kalangan ahli terapi pertuturan di Amerika Syarikat. Keputusan kajian ini mendapati bahawa walaupun para responden mempunyai pengetahuan yang mantap tentang ciri autisme, tetapi mereka masih lagi keliru mengenai diagnosisnya. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa ahli-ahli terapi pertuturan yang terlibat tidak menerima latihan yang mencukupi dan kurang berkeyakinan dengan kebolehan mereka untuk menyediakan perkhidmatan untuk kanak-kanak yang mengalami autisme.

Manakala di Malaysia pula, Susanna Philips (2005) mengkaji tahap pengetahuan guru arus perdana mengenai autisme dan mendapati bahawa guru arus perdana di sekolah-sekolah di Malaysia kurang berpengetahuan mengenai aspek-aspek kognitif, sosial dan emosi murid yang mengalami autisme sebanyak 84.3% daripada para responden juga tidak dapat mengenal pasti jenis perkhidmatan sokongan atau jenis ahli profesional yang diperlukan oleh kanak-kanak ini.

Kajian ini mengadaptasi borang soal selidik Schwartz dan Drager (2008) untuk mengkaji latihan mengenai autisme yang diterima oleh guru-guru pendidikan khas di Malaysia, tahap pengetahuan mereka mengenai autisme dan tahap keyakinan mereka untuk mendidik kanak-kanak yang mengalami autisme. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengetahui:

1. Apakah tahap latihan mengenai autisme yang diterima oleh guru-guru pendidikan khas?
2. Apakah tahap pengetahuan guru-guru pendidikan khas tentang autisme?
3. Adakah guru-guru pendidikan khas mempunyai keyakinan dalam mendidik kanak-kanak yang mengalami autisme?

METODOLOGI

INSTRUMEN

Bagi mengenal pasti tahap latihan, pengetahuan dan keyakinan guru dalam mendidik kanak-kanak yang mengalami autisme, satu set soal selidik telah diadaptasi berdasarkan artikel soal selidik oleh Schwartz dan Drager (2008). Terjemahan soal selidik ke Bahasa Melayu telah

dilakukan bagi memastikannya dapat difahami dengan jelas oleh responden yang terlibat dalam kajian ini. Beberapa item berkenaan latihan guru dalam soal selidik ini telah diubah suai bagi memastikan ianya sesuai untuk guru-guru di Malaysia. Soal selidik ini terdiri daripada empat bahagian utama iaitu: Bahagian A: Demografi Responden, Bahagian B: Latihan Guru, Bahagian C: Tahap Pengetahuan dan Bahagian D: Keyakinan Guru Terhadap Kecekapan Mengajar. Secara keseluruhan, soal selidik ini mengandungi 32 item yang merangkumi empat bahagian seperti yang dinyatakan.

Item-item yang terdapat dalam Bahagian A adalah tentang maklumat demografi responden. Tujuan utama pengumpulan maklumat demografi adalah untuk mengenal pasti faktor yang mungkin mempengaruhi jawapan responden di bahagian lain soal selidik. Soalan yang terdapat di bahagian ini ialah jantina, umur, bangsa, jawatan, tahap pendidikan, bidang tugas dan pengalaman sebagai guru. Bahagian A mengandungi enam soalan, di mana untuk setiap soalan disediakan pilihan jawapan.

Bahagian B mengandungi lapan soalan mengenai latihan guru yang pernah diikuti oleh responden. Untuk bahagian ini, pilihan jawapan disediakan dan skala Likert empat mata digunakan. Walau bagaimanapun, beberapa item dalam bahagian ini telah diubah suai bagi memastikannya sesuai dengan program latihan guru di Malaysia. Bahagian C mengandungi sembilan soalan yang menggunakan format jawapan betul atau salah. Tujuan soalan dalam Bahagian C adalah mengenal pasti tahap pengetahuan guru-guru tentang autisme. Bahagian D mengandungi sembilan soalan tentang keyakinan responden terhadap kecekapan mereka untuk mengajar dan mendidik kanak-kanak autisme. Soalan dalam Bahagian D menggunakan skala Likert empat mata iaitu 1 = Sangat tidak bersetuju, 2 = Tidak bersetuju, 3 = Bersetuju dan 4 = Sangat bersetuju.

PROSEDUR

Kajian ini merupakan kajian tinjauan yang menggunakan soal selidik sebagai instrumen. Sampel kajian dipilih menggunakan kaedah pensampelan bertujuan atau *purposive sampling*. Seramai 112 responden yang juga merupakan guru pendidikan khas terlibat dalam kajian ini. Responden merupakan peserta yang terlibat dalam sebuah bengkel tentang autisme yang dianjurkan oleh Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Set soal selidik diedarkan kepada responden sebelum bengkel dimulakan dan mereka diberikan masa selama 20 minit untuk melengkapkan soal selidik tersebut.

DAPATAN KAJIAN

MAKLUMAT DEMOGRAFI

Seramai 112 responden dari Selangor, Johor, Negeri Sembilan dan Wilayah Persekutuan Putrajaya telah terlibat dalam kajian ini. Daripada jumlah tersebut, 9

responden (8.04%) ialah lelaki dan 102 responden (91.07%) ialah perempuan. Manakala, terdapat seorang responden yang tidak menyatakan jantinya. Bagi faktor umur, didapati 44 responden (39.29%) berusia di antara 20 hingga 30 tahun, 49 responden (43.75%) berusia antara 31 hingga 40 tahun, 17 responden (15.18%) berusia di antara 41 hingga 50 tahun dan 2 responden (1.79%) berusia di antara 51 hingga 60 tahun. Bagi faktor bangsa, didapati 106 responden (94.64%) ialah Melayu, 5 responden (4.46%) ialah Cina dan seorang responden (0.89%) menjawab “lain-lain.”

Bagi maklumat mengenai jawatan yang dipegang didapati bahawa seramai 90 responden (80.36%) merupakan guru pendidikan khas, 12 responden (10.71%) ialah Penyelaras Pendidikan Khas, 4 responden (3.57%) ialah guru dari pusat pemulihan dalam komuniti, seorang responden (0.89%) ialah Pembantu Pengurus Murid dan 5 responden (4.46%) menyatakan “lain-lain.” Bagi maklumat tentang tempat berugas mereka, 29 responden (25.89%) bertugas di Program Integrasi Sekolah Menengah, 75 responden (66.96%) bertugas di Program Integrasi Sekolah Rendah dan 5 responden (4.46%) bertugas di Pusat Pemulihan Dalam Komuniti. Didapati bahawa seramai 65 responden (58.03%) bertugas di Selangor, 38 responden (33.93%) bertugas di Negeri Sembilan, 5 responden (4.46%) bertugas di Wilayah Persekutuan Putrajaya dan 4 responden (3.57%) bertugas di lain-lain negeri.

Bagi faktor pengalaman sebagai guru didapati bahawa 61 responden (54.46%) mempunyai pengalaman selama 1 hingga 5 tahun, 13 responden (11.61%) mempunyai pengalaman selama 6 hingga 10 tahun, 15 responden (13.39%) mempunyai pengalaman selama 11 hingga 15 tahun dan 19 responden (16.96%) mempunyai pengalaman melebihi 16 tahun. Bagi item tentang pengalaman sebagai guru pendidikan khas didapati bahawa 79 responden (70.54%) mempunyai pengalaman 1 hingga 5 tahun, 22 responden (19.64%) mempunyai pengalaman 6 hingga 10 tahun, 5 responden (4.46%) mempunyai pengalaman selama 11 hingga 15 tahun dan terdapat seorang responden (0.89%) mempunyai pengalaman melebihi 16 tahun.

Bagi item “bilangan pelajar yang didiagnosis mengalami autisme di dalam kelas anda”, 84 responden (75.0%) mempunyai 1 hingga 10 pelajar yang mengalami autisme, 4 responden (3.57%) mempunyai 11 hingga 20 orang pelajar yang mengalami autisme dan 5 responden (4.46%) mempunyai 21 hingga 30 pelajar yang mengalami autisme. Bagi item “bilangan pelajar yang mengalami autisme yang pernah anda ajar sepanjang karier anda sebagai seorang guru”, 79 responden (70.54%) pernah mengajar 1 hingga 10 orang pelajar, 9 responden (8.04%) pernah mengajar 11 hingga 20 orang pelajar dan 5 responden (4.46%) pernah mengajar 21 hingga 30 orang pelajar, dan 2 orang responden (1.80%) pernah mengajar dan 31 hingga 50 pelajar yang mengalami autisme. Maklumat demografi responden terdapat dalam Jadual 1.

JADUAL 1. Maklumat Demografi Responden

		<i>n</i>	Frekuensi (%)
Jantina	Lelaki	9	8.04
	Perempuan	102	91.07
	Item tidak lengkap	1	0.89
Umur	20 hingga 30 tahun	44	39.29
	31 hingga 40 tahun	49	43.75
	41 hingga 50 tahun	17	15.18
	51 hingga 60 tahun.	2	1.79
Bangsa	Melayu	106	94.64
	Cina	5	4.46
	Lain-lain	1	0.89
Jawatan	Guru Pendidikan Khas	90	80.36
	Penyelaras Pendidikan Khas	12	10.71
	Guru Pusat Pemulihan Dalam Komuniti	4	3.57
	Pembantu Pengurus Murid	1	0.89
	Lain-lain	5	4.46
Program pengajaran	Program Integrasi Sekolah Menengah	29	25.89
	Program Integrasi Sekolah Rendah	75	66.96
	Pusat Pemulihan Dalam Komuniti	5	4.46
	Item tidak lengkap	3	2.69
Negeri bertugas	Selangor	65	58.03
	Negeri Sembilan	38	33.93
	Wilayah Persekutuan Putrajaya	5	4.46
	Lain-lain negeri	4	3.57
Pengalaman sebagai guru	1 hingga 5 tahun	61	54.46
	6 hingga 10 tahun	13	11.61
	11 hingga 15 tahun	15	13.39
	16 tahun ke atas	19	16.96
	Item tidak lengkap	4	3.67
Pengalaman sebagai guru pendidikan khas	1 hingga 5 tahun	79	70.54
	6 hingga 10 tahun	22	19.64
	11 hingga 15 tahun	5	4.46
	16 tahun ke atas	1	0.89
	Item tidak lengkap	5	4.46
Bilangan pelajar yang didiagnosis mengalami autisme	1 hingga 10	84	75.00
	11 hingga 20	4	3.57
	21 hingga 30	5	4.46
	Item tidak lengkap	4	16.97
Bilangan pelajar yang mengalami autisme yang diajar	1 hingga 10	79	70.54
	11 hingga 20	9	8.04
	21 hingga 30	5	4.46
	31 hingga 40	1	0.89
	41 hingga 50	1	0.89
	Item tidak lengkap	17	15.17
Berminat mengajar kanak-kanak yang mengalami autisme	Ya	83	74.11
	Tidak	3	2.68
	Item tidak lengkap	26	23.21

MAKLUMAT LATIHAN GURU

Dapatan tentang tahap pendidikan tertinggi responden yang diperoleh menunjukkan bahawa 16 responden (9.8%) mempunyai Ijazah Sarjana, 58 responden (35.4%) mempunyai

ijazah sarjanamuda, 19 responden (11.6%) mempunyai diploma perguruan, 11 responden (6.7%) mempunyai Sijil Perguruan, 4 responden (2.4%) mempunyai Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia, dan 2 responden mempunyai Sijil Pelajaran Malaysia. Bagi item "tahun tamat pengajian",

terdapat 5 responden (3%) yang telah menamatkan pengajian tertingginya 24 tahun lepas, 6 responden (3.7%) 18 tahun lepas, 22 responden (13.4%) 13 tahun lepas, 45 responden (27.4%) 8 tahun lepas, 12 responden (7.3%) 3 tahun lepas, manakala, terdapat seorang responden sedang mengikuti pengajian di peringkat sarjana.

Latihan Semasa di Universiti/Institusi Perguruan.

Responden ditanya mengenai kursus/kelas yang pernah mereka ikuti berkaitan autisme sepanjang pengajian di universiti/institusi perguruan. Item-item dalam bahagian ini dianalisis dengan mengira min purata jawapan responden dari skala Likert empat mata. Analisis item berkaitan pernyataan “Sewaktu mengikuti pengajian di universiti/institusi perguruan, pernahkah anda diajar/latih mengenai ciri autisme,” min purata yang diperolehi ialah 2.26.

Dari segi latihan menaksir pelajar-pelajar yang mengalami autisme, min purata yang diperolehi adalah hanya 1.90. Apabila ditanya mengenai latihan strategi pengajaran untuk pelajar-pelajar yang mengalami autisme, min purata yang diperolehi hanyalah 1.87. Min purata untuk item “pengalaman secara langsung (hands-on) bersama kanak-kanak yang mengalami autisme” pula, min purata dari responden kajian adalah hanya 2.24. Akhir sekali min purata untuk latihan berkolaborasi dengan profesional lain dan ibu bapa hanya 1.88 sahaja.

Min purata yang diperolehi daripada responden dalam bahagian ini rata-rata adalah rendah, iaitu di antara 1.87 hingga 2.26. Dapatan ini menunjukkan bahawa semasa pengajian formal pendidikan khas, responden berpendapat mereka tidak menerima latihan yang komprehensif atau mantap untuk mengenali ciri autisme, menaksir pelajar-pelajar ini, mengajar menggunakan strategi-strategi yang berkesan, menjalani latihan secara langsung dengan pelajar-pelajar yang mengalami autisme dan berkolaborasi dengan profesional lain dan ibu bapa.

Latihan dalam Perkhidmatan. Responden juga ditanya mengenai kursus/kelas yang pernah mereka ikuti berkaitan autisme semasa berkhidmat sebagai guru, iaitu sebagai latihan dalam perkhidmatan. Item-item di dalam bahagian ini juga dianalisis dengan mengira min purata jawapan responden daripada skala Likert empat mata. Analisis item berkaitan pernyataan “Pernahkah anda diajar/latih

mengenai ciri autisme semasa latihan di dalam perkhidmatan,” min purata yang diperolehi ialah 2.81.

Apabila ditanya tentang latihan menaksir pelajar-pelajar yang mengalami autisme semasa latihan dalam perkhidmatan, min purata yang diperolehi ialah 2.47. Dari segi latihan tentang strategi pengajaran untuk pelajar-pelajar yang mengalami autisme yang diterima semasa latihan dalam perkhidmatan, min purata yang diperolehi ialah 2.44. Min purata untuk item “Pengalaman secara langsung (hands-on) bersama kanak-kanak yang mengalami autisme” semasa latihan dalam perkhidmatan pula, min purata daripada responden kajian ialah 2.47. Akhir sekali min purata untuk latihan berkolaborasi dengan profesional lain dan ibu bapa semasa latihan dalam perkhidmatan ialah 2.44.

Min purata mengenai latihan yang mereka peroleh semasa dalam perkhidmatan adalah sederhana, tetapi min purata ini adalah lebih tinggi jika dibandingkan dengan min purata yang diperolehi tentang latihan yang mereka jalani sepanjang pengajian di universiti/institusi perguruan. Dapatan ini menunjukkan bahawa latihan dalam perkhidmatan yang dijalani oleh responden untuk mengenali ciri autisme, menaksir pelajar-pelajar ini, mengajar menggunakan strategi-strategi yang berkesan, menjalani latihan secara langsung dengan pelajar-pelajar yang mengalami autisme dan berkolaborasi dengan profesional lain dan ibu bapa adalah tidak komprehensif ataupun mantap. Namun, kualiti latihan dalam perkhidmatan tentang autisme adalah lebih baik jika dibandingkan dengan latihan yang diterima sepanjang pengajian di universiti/institusi perguruan. Min purata latihan yang dijalani semasa di universiti/institusi perguruan dan min purata latihan dalam perkhidmatan terdapat dalam Jadual 2.

TAHAP PENGETAHUAN GURU

Dapatan kajian berkenaan tahap pengetahuan guru menunjukkan responden mempunyai pengetahuan yang baik tentang beberapa ciri autisme. Kajian menunjukkan responden mempunyai pengetahuan yang betul tentang masalah komunikasi dalam kalangan kanak-kanak yang mengalami autisme (88.4%), *over-sensitivity* dan *under-sensitivity* terhadap rasa sakit di kalangan kanak-kanak

JADUAL 2. Maklumat Berkaitan Kursus/Kelas yang Pernah Diikuti Berkaitan Autisme Sepanjang Pengajian di Universiti/Institusi Perguruan dan Semasa Latihan dalam Perkhidmatan

Pernyataan	Respon Peserta	
	Latihan di universiti/ institusiperguruan	Latihan dalam perkhidmatan
Mengenali ciri-ciri autisme	2.26	2.81
Menaksir kanak-kanak yang mengalami autisme	1.90	2.47
Strategi pengajaran kanak-kanak yang mengalami autisme	1.87	2.44
Pengalaman secara langsung (hands-on) bersama kanak-kanak yang mengalami autisme	2.24	2.47
Berkolaborasi dengan profesional lain dan ibu bapa	1.88	2.44

yang mengalami autisme (94.6%), nisbah prevalens autisme yang lebih tinggi dalam kalangan kanak-kanak lelaki (87.4%) serta kemahiran motor kasar dan motor halus yang tidak setara di kalangan kanak-kanak ini (94.6%).

Walau bagaimanapun, responden juga keliru tentang beberapa ciri autisme. Antaranya ialah 48.6% daripada responden tidak bersetuju bahawa kanak-kanak yang didiagnosis autisme mesti mempamerkan masalah interaksi sosial walaupun kegagalan interaksi sosial merupakan kriteria diagnostik bagi autisme. Tingkah laku mencederakan diri sendiri bukanlah diagnostik kriteria untuk autisme, namun 36.9% daripada responden bersetuju bahawa ia adalah kriteria autisme. Begitu juga dengan perbuatan stereotaip yang berulang-ulang, ia bukanlah suatu

diagnostik bagi autisme. Namun 96.4% ($n = 107$) responden bersetuju bahawa perbuatan ini merupakan suatu diagnostik bagi autisme. Dapatan ini menunjukkan bahawa responden tidak mempunyai pengetahuan yang mantap tentang diagnostik kriteria bagi individu yang mengalami autisme. Responden (36.9%) juga mempamerkan kekeliruan tentang tingkah laku mencederakan diri di mana mereka menganggap perbuatan ini sebagai suatu diagnostik bagi autisme. Manakala 69.4% ($n = 77$) responden bersetuju dengan pernyataan “Kanak-kanak yang mengalami autisme tidak pernah membuat *eye-contact*”, sedangkan pada dasarnya kanak-kanak yang mengalami autisme sebenarnya membuat *eye-contact*, tetapi tidak kerap.

JADUAL 3. Maklum Balas bagi Tahap Pengetahuan Guru tentang Autisme

Pernyataan	Bil. Responden	Betul	Salah
Kanak-kanak yang didiagnosis autisme mesti mempamerkan masalah interaksi sosial	109	56 (51.3%)	53 (48.6%)
Kanak-kanak yang didiagnosis autisme mesti mempamerkan tingkah laku mencederakan diri sendiri	111	41 (36.9%)	70 (63.1%)
Kanak-kanak yang didiagnosis autisme mesti mempamerkan tingkah laku dan minat yang stereotaip berulang-ulang	111	107 (96.4%)	4 (3.6%)
Kanak-kanak yang didiagnosis autisme mesti mempamerkan masalah komunikasi	112	99 (88.4%)	13 (11.6%)
Sebilangan kanak-kanak yang mengalami autisme mempamerkan <i>over-sensitivity</i> dan <i>under-sensitivity</i> terhadap rasa sakit	111	105 (94.6%)	6 (5.4%)
Lebih ramai kanak-kanak lelaki didiagnosis autisme berbanding dengan kanak-kanak perempuan	111	97 (87.4%)	14 (12.6%)
Sebilangan kanak-kanak yang mengalami autisme mempamerkan kemahiran motor kasar dan motor halus yang tidak setara	112	106 (94.6%)	6 (5.4%)
Kanak-kanak yang mengalami autisme tidak pernah membuat <i>eye-contact</i>	111	77 (69.4%)	34 (30.6%)

KEYAKINAN GURU TERHADAP KECEKAPAN UNTUK MENGAJAR KANAK-KANAK YANG MENGALAMI AUTISME

Respons yang diperoleh daripada pernyataan pada bahagian ini mendapati bahawa min purata responden hanyalah 2.63 apabila diminta respons tentang keyakinan mereka untuk menentukan objektif pengajaran dan pembelajaran yang sesuai untuk kanak-kanak yang mengalami autisme. Apabila ditanya sama ada menerima latihan yang cukup untuk mendidik kanak-kanak ini pula, min purata responden hanyalah 2.22. Respons tentang keselesaan mereka dalam memberi bimbingan kaunseling kepada ibu bapa dan penjaga kanak-kanak yang mengalami autisme pula adalah min purata 2.60. Dapatan ini menunjukkan bahawa tahap keyakinan guru untuk mengajar kanak-kanak yang mengalami autisme adalah sederhana sahaja.

Apabila ditanya tentang bantuan dan tunjuk ajar daripada ahli profesional atau pakar autisme untuk membangunkan program yang bersesuaian untuk kanak-kanak yang mengalami autisme, min purata respon mereka adalah tinggi, iaitu 3.68. Responden juga memberikan min purata yang tinggi apabila ditanya tentang keperluan kursus

dan latihan dalam bidang autisme iaitu sebanyak 3.75. Mereka juga menyokong usaha untuk mewujudkan peluang-peluang untuk menjalani pengajian pasca siswazah dalam bidang autisme apabila min purata respons mereka ialah 3.70. Jadual 4 memuatkan maklumat berkenaan tahap keyakinan guru terhadap kecekapan mereka dalam mengajar dan mendidik kanak-kanak yang mengalami autisme.

PERBINCANGAN

Secara keseluruhan dapatan kajian ini telah mendapati bahawa lebih daripada 50% responden telah mendapat pendidikan formal dalam bidang pendidikan khas. Sebanyak 83% antara mereka mempunyai pelajar autisme di dalam kelas walaupun tidak mempunyai pengetahuan yang mencukupi mengenai autisme. Namun begitu, mereka menunjukkan pengetahuan yang baik mengenai beberapa faktor mengenai autisme, tetapi keliru tentang beberapa maklumat penting seperti mengenai diagnosis autisme. Sebagai contoh kebanyakan responden sukar mengenal pasti kegagalan interaksi sosial sebagai suatu kriteria

JADUAL 4. Tahap Keyakinan Guru terhadap Kecekapan Mereka dalam Mengajar dan Mendidik Kanak-kanak yang Mengalami Autisme

Pernyataan	Min Respon Peserta
Saya yakin dengan kemampuan saya untuk menentukan objektif pengajaran dan pembelajaran yang sesuai untuk kanak-kanak yang mengalami autisme	2.63
Saya rasa selesa memberi bimbingan kaunseling kepada ibu bapa dan penjaga kanak-kanak yang mengalami autisme	2.60
Saya suka apabila mendapat bantuan dan tunjuk ajar daripada ahli profesional atau pakar autisma untuk membangunkan program yang bersesuaian bagi kanak-kanak yang mengalami autisme	3.68
Saya yakin saya mempunyai cukup latihan untuk mengajar kanak-kanak yang mengalami autisme dengan berkesan	2.22
Saya rasa kursus dan latihan tambahan dalam bidang autisme ini dapat mendatangkan faedah kepada saya	3.75
Saya rasa kewujudan peluang-peluang untuk menjalani pengajian pasca siswazah dalam bidang autisme ini dapat memberikan faedah kepada bidang ini	3.70
Saya rasa sekolah secara amnya memperolehi faedah jika terdapat "pakar autisme"	3.79
Jika ada pakar autisme di daerah saya, saya akan menggunakan individu tersebut sebagai sumber rujukan	3.77
Saya berminat untuk menjadi seorang pakar autisme walaupun perlu mengikuti kursus dan latihan tambahan	3.46

1 = Sangat tidak bersetuju 2 = Tidak bersetuju 3 = Bersetuju 4 = Sangat bersetuju

diagnostik bagi autisme dan membuat kesilapan dengan menyatakan bahawa tingkah laku stereotaip dan mencederakan diri sendiri sebagai suatu kriteria diagnostik bagi autisme. Dapatan kajian ini didapati mempunyai persamaan dengan dapatan kajian yang dijalankan oleh Mavropoulou & Padeliadu (2000) dan Schwartz & Drager (2008). Mavropoulou & Padeliadu (2000) telah mendapati bahawa terdapat kekeliruan dalam pengetahuan tentang autisme di kalangan guru-guru pendidikan khas di Greece manakala Schwartz & Drager (2008) pula menyatakan bahawa terdapat pengetahuan yang lemah tentang autisme dalam kalangan ahli-ahli terapi pertuturan.

Kekurangan pengetahuan tentang autisme dalam kalangan responden dipercayai disebabkan oleh kekurangan input latihan yang komprehensif diterima sepanjang pengajian di universiti ataupun di institut perguruan. Dapatan kajian turut menunjukkan kebanyakan responden menyatakan bahawa latihan yang diterima untuk mengenali ciri-ciri autisme, menaksir pelajar-pelajar yang mengalami autisme, menjalankan strategi pengajaran untuk pelajar-pelajar yang mengalami autisme, menjalani pengalaman secara langsung (*hands-on*) bersama kanak-kanak ini dan berkolaborasi dengan profesional lain dan ibu bapa adalah kurang. Bagi latihan yang diterima semasa dalam perkhidmatan pula, mereka menyatakan bahawa kualitinya adalah sederhana, namun latihan tersebut adalah lebih baik berbanding daripada latihan yang diterima semasa mereka belajar di universiti dan di institut perguruan. Scheuermann et al. (2003) turut mengkritik latihan perguruan pendidikan khas di Amerika Syarikat yang didapatinya kurang memberi tumpuan kepada latihan perguruan yang berfokus mendidik kanak-kanak yang mengalami autisme dan pelbagai kekurangan upaya yang lain. Latihan perguruan pendidikan

khas di sana didapati hanya meliputi pengetahuan am tentang pendidikan khas dan tidak mengenai kekurangan upaya yang mendalam sebagai bakal guru pendidikan khas.

Sehubungan dengan itu dapatan kajian ini boleh memberi implikasi ke atas latihan perguruan pendidikan khas di negara ini. Kedua-dua jenis latihan perguruan, sama ada semasa pengajian formal ataupun latihan dalam perkhidmatan perlu dipertingkatkan kualitinya demi untuk menghasilkan guru-guru yang cekap dan mahir dalam mendidik kanak-kanak yang mengalami autisme. Inovasi pengajaran dalam bentuk baru perlu diperkenalkan semasa mereka belajar di universiti ataupun di institut perguruan. Latihan yang berbentuk praktikal perlu diperbanyakkan supaya memberi peluang kepada guru-guru pelatih mendapat pengalaman secara langsung ataupun *hands-on* dengan kanak-kanak yang mengalami autisme. Latihan dalam perkhidmatan juga boleh ditingkatkan kualitinya dengan menggunakan kaedah konsultasi dan tidak hanya melalui bengkel sahaja (Scheuermann et al. 2003).

Berdasarkan daripada dapatan kajian ini jelaslah bahawa semua pihak yang terlibat dalam melatih guru dalam bidang pendidikan khas perlu memikirkan untuk mempertingkatkan lagi kandungan kursus mereka. Kandungan kursus perlu memperbanyakkan pengajaran yang boleh mempertingkatkan lagi keyakinan mereka semasa mengajar kelak. Ini adalah kerana majoriti responden telah menyatakan bahawa tahap keyakinan mereka untuk mengajar kanak-kanak yang mengalami autisme adalah sederhana sahaja. Mereka juga menyatakan bahawa latihan perguruan yang diperolehi daripada institusi-institusi berkaitan masih kurang dan ini telah menyebabkan mereka kurang berkeyakinan semasa berhadapan dengan kanak-kanak autisme ketika mengajar. Mereka turut mencadangkan

agar kursus lanjutan diperbanyakkan, kerana mereka menyedari akan kepentingan kursus tersebut dalam meningkatkan tahap keyakinan mereka.

Perkara yang memberangsangkan dalam dapatan kajian ini adalah majoriti daripada responden (74%) berminat untuk mengajar kanak-kanak yang mengalami autisme. Mereka juga turut mengalu-alukan bantuan dari segi sokongan pakar autisme dalam menjalankan tugas mereka, malah segolongan besar mereka berminat untuk menjalani latihan dan kursus untuk menjadi seorang guru pakar autisme. Minat dan semangat yang ditunjukkan oleh para responden dalam bidang autisme tidak patut dipersiapkan. Oleh itu, kursus dan latihan yang lebih mantap serta komprehensif akan dapat melahirkan guru-guru pendidikan khas yang cekap dan efektif untuk mendidik kanak-kanak yang mengalami autisme di negara ini.

KESIMPULAN

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti tahap latihan, pengetahuan dan keyakinan guru-guru pendidikan khas mengenai autisme. Di samping itu, kajian ini juga bertujuan untuk mengetahui tahap latihan guru-guru yang mendidik kanak-kanak yang mengalami autisme di Malaysia. Tanpa latihan yang mencukupi akan menyebabkan mereka kurang berkeyakinan dan tidak dapat melaksanakan tugas dengan efektif. Kursus perguruan formal didapati masih kurang berkesan untuk melatih guru-guru pendidikan khas bagi memahami autisme dan seterusnya mendidik kanak-kanak yang mengalami autisme. Manakala latihan dalam perkhidmatan mengenai autisme pula hanya sederhana kualitinya, namun lebih kursus ini lebih berkesan berbanding dengan latihan di universiti ataupun institut perguruan. Para guru juga didapati mempunyai keyakinan yang rendah dalam bidang ini. Namun, mereka berminat untuk menjalani kursus lanjutan untuk meningkatkan kecekapan mereka untuk mendidik kanak-kanak ini. Maka, kursus perguruan formal di negara ini harus dipertingkatkan dengan menambah komponen mengenai autisme. Guru-guru pendidikan khas juga perlu diberi akses kepada latihan dalam perkhidmatan mengenai autisme selari dengan bidang pendidikan autisme yang semakin berkembang dengan pesat kini. Guru-guru perlu dilengkapi dengan pelbagai kemahiran strategi pengajaran terkini yang telah terbukti berkesan melalui kajian-kajian saintifik. Kajian lanjut yang mendalam perlu dijalankan dari masa ke semasa bagi mengenal pasti kelemahan-kelemahan yang masih wujud dalam kedua-dua jenis latihan perguruan ini agar kualitinya dapat dipertingkatkan.

RUJUKAN

- American Psychiatric Association. 1994. *Diagnostic and Statistical Manual of Mental Disorders*. Ed. ke-4. USA: APA.
- Center for Disease Control and Prevention, Department of Health and Human Services. 2009. *CDC Releases New Data on Autism Spectrum Disorders (ASDs) from Multiple Communities in the United States*, February, 2009.
- Croen, A., Grether, J.K., Hoogstrate, J. & Selvin, S. 2000. Descriptive Epidemiology of autism in California population: Who is at risk?. *Journal of Autism and Developmental Disorders* 32: 217-224.
- Ganz, M. 2006. The Costs of Autism. In *Understanding Autism: From Basic Neuroscience to Treatment*. Auther USA: Havard.
- Mavropoulou, S. & Padeliadu, S. 2000. Greek teachers' perceptions of autism and implications for educational practice: A preliminary analysis. *Autism* 4(2): 173-183.
- National Research Council. 2001. *Educating Children with Autism*. U.S.A.: National Academy Press.
- Philips, S.C. 2005. *Tahap Tahap Pengetahuan Mengenai Sindrom Autisme Di Kalangan Guru Kelas Biasa*. <http://rnc.upsi.edu.my/v2/ewacana/Sindrom.htm> [8 Mei 2009].
- Scheuermann, B., Webber, J., Boutot, A. & Goodwin, M. 2003. Problems with personnel preparation in autism spectrum disorders. *Focus on Autism and Other Developmental Disorders* 18(3): 197-206.
- Schwartz, H. & Drager, K.D.R. 2008. Training and Knowledge in Autism Among Speech-Language Pathologists: A Survey. *Language, Speech & Hearing Services in Schools* 39(1): 66-77.
- Simpson, R. 2004. Finding Effective Intervention and Personnel Preparation Practices for Students with Autism Spectrum Disorders. *Exceptional Children* 70(2): 135-144.
- Stone, W.L. & Rosenbaum, J.L. 1988. A comparison of teacher and parent views of autism. *Journal of Autism and Developmental Disorders* 18(3): 403-414.
- Volkmar, F.R., Klin, A. & Cohen, D.J. 1997. Diagnosis and classification of autism and related conditions: Consensus and issues. Dlm. *Handbook of Autism and Pervasive Developmental Disorder*, edited by Cohen, D.J. & Volkmar, F.R. ke-2. USA: Yale University.
- Wing, L. & Gould, J. 1979. Severe Impairments of Social Interaction and Associated Abnormalities in Children: Epidemiology and Classification. *Journal of Autism and Developmental Disorders* 9: 11-29.

Hasnah Toran
Fakulti Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi Selangor D.E